



JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

(Department of Agriculture Malaysia)

WISMA TANI

ARAS 5-7, JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50632 KUALA LUMPUR

Tel: 603-2030 1400
Faks: 603-2691 7551
E-mel: pro@doa.gov.my
Portal Rasmi: www.doa.gov.my

Rujukan Kami : JP.KRPB.100-15/2/9 Jld.4 (8)
Tarikh : 6 Julai 2023

EDARAN SEGERA

**Semua Pemegang Lesen
Penjualan Dan Penyimpanan Untuk
Penjualan Racun Makhluk Perosak**

Tuan/Puan,

PENGEMASKINIAN MAKLUMAT LESEN PENJUALAN DAN PENYIMPANAN UNTUK PENJUALAN RACUN MAKHLUK PEROSAK DALAM SISTEM E-LESEN LEMBAGA RACUN MAKHLUK PEROSAK (e-LESEN LRMP)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP) sedang dalam usaha untuk mendigitalkan perkhidmatan pelesenan racun makhluk perosak di seluruh negara. Usaha pendigitalan ini adalah bagi tujuan memudahcara urusan permohonan lesen dan seterusnya meningkatkan lagi tahap sistem penyampaian Jabatan Pertanian kepada pihak berkepentingan khususnya kepada pemilik lesen di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

3. Untuk makluman, kaedah pemprosesan Lesen Penjualan dan Penyimpanan Untuk Penjualan Racun Makhluk Perosak secara manual yang sedang dilaksanakan kini menggunakan sistem AgrisGeoportal akan beralih ke platform baharu secara dalam talian sepenuhnya iaitu e-Lesen LRMP. Kaedah pemprosesan lesen secara manual dan sistem AgrisGeoportal yang lama dijangka akan **dihentikan penggunaannya mulai 8 Ogos 2023.**

ANDA KAMI UTAMAKAN



MS ISO 9001:2015 (DSM 000565)



MS ISO 37001:2016 (ABMS 00275)

Sambungan surat: JP.KRPB.100-15/2/9 Jld.4 (8)

4. Oleh yang demikian, bagi melancarkan peralihan ke platform baharu, sistem ini akan **dibuka dan disiarkan langsung (go-live) bermula pada tarikh 7 Julai 2023 (Jumaat)** kepada orang awam bagi tujuan **pendaftaran pengguna dan pengemaskinian maklumat-maklumat** berkaitan lesen. Kerjasama pihak Tuan/Puan amatlah diharapkan untuk memastikan maklumat tersebut dikemaskini dengan data yang lengkap, tepat dan berintegriti. Tarikh **tutup pengisian dan pengemaskinian data adalah pada 4 Ogos 2023 (Jumaat) pada jam 5.00 petang**.

5. Untuk perhatian Tuan/ Puan bagi memudahkan akses ke sistem ini bersama-sama ini disertakan maklumat capaian seperti berikut:

- (a) Antaramuka (*interface*) Sistem e-Lesen LRMP bagi pendaftaran pengguna dan sub modul e-Premis bagi kemaskini maklumat lesen boleh dicapai menerusi <https://lesenlrmp.doa.gov.my/>; dan
- (b) Manual pengguna boleh dicapai melalui <https://lesenlrmp.doa.gov.my/prod/public/panduan-pengguna>

6. Suka diingatkan kepada pihak Tuan/Puan untuk memuatnaik (*upload*) semua dokumen-dokumen sokongan bagi memudahkan proses pengesahan pendaftaran pengguna yang telah ditetapkan seperti berikut:

- (a) Salinan lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Agensi lain seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) atau lain-lain;
- (b) Salinan profail perniagaan yang mengandungi maklumat pemilikan syarikat; dan
- (c) Salinan surat perwakilan kuasa sekiranya bukan pemilik perniagaan (contoh surat perwakilan kuasa disertakan seperti di **Lampiran A**)

7. Sehubungan dengan itu, sukacita sekiranya pihak Tuan/Puan turut dapat bersama-sama menyebarkan perkara ini kepada semua pemegang Lesen Penjualan dan Penyimpanan Untuk Penjualan Racun Makhlu Perosak. Kegagalan pihak pemegang lesen untuk melaksanakan pendaftaran dan pengemaskinian data maklumat lesen melalui platform ini akan menyebabkan kesukaran untuk urusan memperbaharui lesen pada masa akan datang.

Sambungan surat: JP.KRPB.100-15/2/9 Jld.4 (8)

8. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak Tuan/Puan boleh menghubungi terus Pegawai Pelesenan Racun Makhluk Perosak di pejabat pengeluar lesen seperti maklumat yang telah disertakan di **Lampiran B** surat ini. Di atas kerjasama yang diberikan oleh Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih jua.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MAT IESAK BIN NGATHINEE)

Setiausaha Lembaga Racun Makhluk Perosak

s.k: Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan dan Regulatori

Ketua Seksyen Pelesenan

Semua Kuasa Usaha BKRPB Negeri

Sambungan surat: JP.KRPB.100-15/2/9 Jld.4 (8)

LAMPIRAN A

CONTOH SURAT PERWAKILAN KUASA

KEPALA SURAT RASMI

Setiausaha
Lembaga Racun Makhluk Perosak
Jabatan Pertanian Malaysia
Wisma Tani
Tingkat 5-7, Jalan Sultan Salahuddin
50632 KUALA LUMPUR

Tarikh:

Tuan,

PERWAKILAN KUASA MEMOHON LESEN BAGI PIHAK SYARIKAT/PERNIAGAAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa saya,.....
no. kad pengenalan:.....selaku pengarah
syarikat/pemilik perniagaanakan
mewakillikan kuasa bagi pihak syarikat untuk urusan permohonan lesen iaitu :

Nama	:	
Alamat	:	
Jawatan	:	
No. Kad Pengenalan	:	
No Telefon	:	
Emel	:	

3. Sehubungan itu, dikemukakan untuk makluman/ rujukan pihak tuan selanjutnya. Pihak kami akan memaklumkan kepada pihak tuan sekiranya terdapat perubahan penama bagi perkara ini secara rasmi.

Sekian, terima kasih

(tandatangan)

(NAMA PEMILIK SYARIKAT)

Jawatan:

Cap rasmi syarikat:

Sambungan surat: JP.KRPB.100-15/2/9 Jld.4 (8)

**SENARAI NAMA PEGAWAI PELESENAN BAGI URUSAN PERTANYAAN
PENDAFTARAN PENGGUNA DAN PENGEMASKINIAN DATA LESEN
PENJUALAN DAN PENYIMPANAN UNTUK PENJUALAN RACUN MAKHLUK
PEROSAK BAGI SISTEM E-LESEN LRMP**

BIL		PEJABAT PENGELUAR LESEN & NAMA PEGAWAI	NO. TELEFON	ALAMAT E-MEL
Seksyen Pelesenan, BKRPB WP Kuala Lumpur/ WP Putrajaya				
1.	Encik Mohd Fairuz Affendy bin Mohd Isa	03-20301533	lesen.bkrpb@doa.gov.my	
2.	Encik Mohd Fadzil bin Muhamad Salleh			
3.	Encik Nazhari bin Samsudin			
4.	Encik Nicholas Beliang Engkabi			
5.	Encik Syazreen Irfan bin Mohd Zaidi			
Unit BKRPB Negeri Sabah / WP. Labuan				
6.	Puan Salmah binti Labulla	088-233961/ 019-8711495	krpsbh@doa.gov.my	
7.	Puan Zamzuliana binti Che Aziz			
8.	Puan Sylvia Augustin Luta			
9.	Encik Marius Gosong			
Unit BKRPB Negeri Sarawak				
10.	Puan Ellyfa binti Kon	082-414232	krp_swk@doa.gov.my	
11.	Encik Assrin bin Sarimin			
12.	Puan Adelina binti Mustapa			
13.	Encik Isahak @ Rajak bin Tapa			
Unit BKRPB Negeri Selangor				
14.	Encik Ahmad Fairuz bin Che Omar	03-55189888	bkrpbselangor@doa.gov	
15.	Puan Ros Hazlinda binti Abdullah			
16.	Encik Mohd Syuzaime Akmal bin Md Yunus			
Unit BKRB Negeri Perak				
17.	Puan Nurhanisah binti Jauhari	05-5068657/58	bkrpbperak@gmail.com	
18.	Encik Irwan Shah bin Mohd Fauzi			
19.	Puan Wardah binti Suleiman			
20.	Puan Siti Mariam binti Kashim			
21.	Puan Nur Adila binti Abdul Rahman			
Unit BKRPB Negeri Johor				
22.	Noorulwahida Mohd Ridzwan	07-2355550	ukrpjhr@gmail.com	
23.	Idy Suzaimy binti Ismail			

PEJABAT PENGELUAR LESEN & NAMA PEGAWAI		NO. TELEFON	ALAMAT E-MEL
24.	Zulkifli binti Salleh		
25.	Dayang Nadia Suhaila Mohd Huza		
Unit BKRPB Negeri Kedah			
26.	Encik Mohd Farzli Bin Zainol	04-7711666	bkrpbkedah@gmail.com
27.	Encik Muhd Yuzamir Bin Azmi		
28.	Encik Mohd Rusdi Bin Harun		
29.	Encik Nuramerulazlanbin Md Zin		
Unit BKRPB Negeri Pahang			
30.	Encik Willson Anding Anak Dennis	09-5730141	bkrppahang06@gmail.com
31.	Encik Baki bin Baba		
32.	Encik Mohd Zunarri bin Omar		
33.	Encik Sabtu bin Atan		
Unit BKRPB Negeri Melaka			
34.	Puan Nur 'Aida binti Mazlan	06-3374300	bkrpbmelaka@gmail.com
35.	Encik Wan Nurul Husna binti Wan Mansor		
36.	Encik Mohd Afiq bin Md Muslim		
Unit BKRPB Negeri Sembilan			
37.	Encik Mohamad Rasid bin Razali	06-6851750	pesticides@gmail.com
38.	Puan Rohaya binti Hussain		
39.	Puan Norizan binti Alias		
Unit BKRPB Negeri Pulau Pinang			
40.	Puan Norainy binti Md Hashim	04-5793800	racunpulaupinang@gmail.com
41.	Puan Noor Azira binti Zakaria		
42.	Puan Nik Majisawani binti Nik Mohammad		
Unit BKRPB Negeri Perlis			
43.	Encik Mohd Fariq bin Ahmat	04-9381376	racunperlis@gmail.com
44.	Puan Noor Neknazlinda binti Husain		
Unit BKRPB Negeri Terengganu			
45.	Encik Fathul Aiman bin Mahmad Jelani	09-6301140	bkrpnt@gmail.com
46.	Encik Abdul Halim bin Sulong		
47.	Puan Zalani binti Ali		
Unit BKRPB Negeri Kelantan			
48.	Encik Muhammad Hasif bin Abd Rani	09-7479762	bkrpbkelantan@yahoo.com.my
49.	Encik Zakaria bin Hussin		
50.	Encik Khairul Azhar bin Md Nor		
51.	Encik Mohd Azizi bin Hussin		